

Pelaporan Akauntabiliti Di Laman Sesawang Pihak Berkuasa Tempatan: Satu Perbandingan Di Negeri- negeri Pantai Timur Malaysia

*Lily Mazlifa Mustafa
Nor Hawani Wan Abdul Rahman
Sabariah Jamaluddin
Yuzainizam Yusop
Naliza Solat*

ABSTRAK

Pelaporan akauntabiliti merupakan satu kaedah komunikasi di antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dan orang awam. Secara khusus, pelaporan akauntabiliti dilaksanakan melalui pelaporan maklumat kewangan. Pelaporan maklumat kewangan adalah penting bagi membolehkan pembayar cukai menilai prestasi PBT terhadap dana yang diperolehi daripada orang awam. Dalam aspek ini, medium komunikasi yang digunakan haruslah berkesan dalam menyalurkan maklumat kewangan kepada orang awam. Kajian ini secara khususnya menjurus kepada pelaporan maklumat kewangan oleh PBT di laman sesawang rasmi. Data untuk tujuan kajian diperolehi dengan merujuk kepada pendedahan maklumat kewangan. Pelaporan maklumat kewangan digunakan sebagai asas kepada akauntabiliti PBT. Manakala, medium internet pula dilihat sebagai alat untuk PBT menjadi lebih telus kepada orang awam dalam menyampaikan maklumat kewangan. Instrumen untuk pengumpulan data dibangunkan melalui dapatan-dapatan kajian lalu. Secara ringkas terdapat 16 jenis maklumat kewangan yang menjadi asas kepada kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua PBT di negeri- negeri Pantai Timur Malaysia mempunyai laman sesawang rasmi. Namun begitu, penggunaan internet sebagai medium untuk melaporkan akauntabiliti pihak PBT masih di tahap yang rendah. Ini kerana hanya 13% daripada PBT di negeri- negeri Pantai Timur Malaysia melaporkan maklumat kewangan di internet. Pelaporan akauntabiliti yang rendah ini mungkin dapat dijustifikasikan oleh ketiadaan sebarang bentuk kehendak statutori terutamanya daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia untuk melaporkan maklumat kewangan di laman sesawang.

Kata Kunci: *pelaporan akauntabiliti, internet, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), negeri –negeri Pantai Timur.*

Pengenalan

Pelaporan maklumat kewangan oleh sesebuah organisasi merupakan elemen penting sebagai medium komunikasi di antara penyedia dan pengguna. Melalui pelaporan ini pengguna dapat menilai prestasi sesebuah organisasi, malah ianya juga merupakan asas kepada akauntabiliti dan pembuatan keputusan bagi kedua-dua sektor awam dan swasta. Konsep akauntabiliti adalah penting kerana ianya memberi kesan ke atas operasi sesebuah organisasi. Secara asasnya, penyedia haruslah bersedia untuk menggalas sebarang keputusan ke atas semua aktiviti yang telah dipertanggungjawabkan, serta apa yang telah dilaporkan, diterangkan dan dijustifikasikan (Danilah & Siti Nabihah, 2011).

Berbanding pihak swasta, kerajaan mempunyai tanggungjawab yang lebih besar kepada orang awam kerana kerajaan perlu mengurus tadbir negara dengan lebih cekap dan berkesan. Menurut Engku Ismail et al. (2006), laporan kewangan kerajaan boleh diringkaskan sebagai prestasi kejayaan atau keupayaan kerajaan dalam mengutip hasil, menguruskannya dan membelanjakan wang awam. Selain pengukur prestasi, laporan kewangan merupakan salah satu kaedah kerajaan menzahirkan akauntabiliti. Secara umumnya akauntabiliti merupakan matlamat kerajaan berdemokrasi di mana kerajaan diberi kuasa dan tanggungjawab untuk bertindak berdasarkan undang-undang dan kehendak rakyat. Kepentingan akauntabiliti awam ini, menjadikan penjawat awam lebih bertanggungjawab untuk segala tindakan mereka. Isu akauntabiliti awam, amat dititikberatkan dalam urustadbir kerajaan Malaysia, bukan sahaja kerana tanggungjawab kepada orang awam tetapi juga untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap pengurusan mereka.

Di dalam pengurusan sumber kewangan, aspek akauntabiliti awam yang terpenting adalah keperluan PBT untuk memenuhi semua tanggungjawab mereka keatas orang awam dan menjustifikasikan apa yang telah mereka laksanakan (Akta Kerajaan Tempatan 1976). Seperti yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara di dalam laporannya, hanya segelintir sahaja PBT yang mengemukakan laporan kewangan tahunan mereka, walhal laporan ini melaporkan keseluruhan aktiviti yang dilakukan oleh PBT tersebut sepanjang tahun.

Terdapat satu artikel dalam *The New Straits Times* (2010) yang menyatakan tugas audit juga turut terkesan dan tertanggung akibat ketidakupayaan PBT untuk mengemukakan dokumen sokongan dan menyediakan akaun yang tepat bagi perbelanjaan yang dibuat serta akaun tahunan yang tidak dikemaskini, seperti yang dipetik oleh Danilah & Siti Nabiha (2011).

Ketelusan dan ketepatan PBT dalam penyampaian laporan kewangan tahunan amat diperlukan bagi membuktikan kecekapan dan kewibawaan mereka menguruskan hal masyarakat setempat. Peranan PBT amat penting kerana mereka terlibat secara langsung dalam mengendalikan sumber kewangan yang dikutip sebahagian besarnya dari orang awam. Oleh yang demikian orang awam perlu mengetahui bagaimana agihan pendapatan ini dilakukan dan maklumat ini boleh diakses secara mudah maklumat.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat pada masa sekarang telah menjadi pemangkin kepada perubahan medium penyampaian maklumat kepada orang awam. Dengan itu, ianya menjadikan pelaporan kewangan sebagai salah satu bidang penting di dalam pelaporan internet. Banyak organisasi yang menggunakan laman sesawang World Wide Web (WWW) sebagai satu platform untuk membentangkan data kewangan, terutamanya laporan tahunan dan maklumat lain kepada para pengguna (Deller Stubenrath & Weber, 1999). Ini sejajar dengan saranan oleh Institut Jawatankuasa Audit Malaysia agar syarikat awam di Malaysia perlu membina laman web mereka sendiri, bagi menyalurkan maklumat kepada orang awam (*The Star*, 13 Mei 2009, seperti yang dipetik oleh Mohd Noor Azli & Noor Azizi (2011). Penggunaan internet di kalangan sektor awam dikaitkan dengan reformasi pentadbiran dalam perkhidmatan awam itu sendiri. Kerajaan Malaysia antara negara yang diiktiraf sebagai sebuah negara membangun yang mempunyai komitmen tinggi dalam penggunaan internet untuk urusan perkhidmatan awam mereka (Siddiquee, 2006).

Kepentingan Pelaporan Kewangan Melalui Internet

Internet merupakan salah satu komunikasi yang terpentas dan mudah diakses oleh sesiapa sahaja. Kajian lalu mengakui kepentingan internet dalam melaporkan kedudukan kewangan (Ali Saleh et al., 2009; Mohd Noor Azli dan Noor Azizi, 2012; Mohd Noor Azli dan Noor Azizi, 2011; Fisher et al., 2004; Mohamed et al., 2009; Asmah et al., 2011) dan terdapat juga yang mengaitkan pelaporan maklumat kewangan PBT dan internet (McIvor et al., 2002; Mohd Noor Azli & Noor Azizi, 2009; Hooks et al., 2012, Joseph & Taplin, 2012). Pelaporan maklumat melalui internet semakin meningkat disebabkan masalah dan kekangan yang dihadapi dalam penggunaan format tradisional yang menggunakan kertas (Asmah et al., 2011). Ini terjadi kerana penggunaan format tradisional biasanya tidak terkini dan akan mengambil masa untuk dikemaskini, malah ianya sukar untuk diakses oleh bakal pelabur yang biasanya berada di pelbagai lokasi.

Pelaporan maklumat kewangan menerusi internet membuka ruang yang luas kepada PBT untuk menangani secara efisien kehendak orang awam untuk mengetahui tahap kecekapan PBT mengurus hasil dan perbelanjaan wang awam. Dalam waktu yang sama PBT dapat menunaikan tanggungjawab mereka dalam menyalurkan maklumat kewangan kepada orang awam tanpa melibatkan kos yang tinggi. Ia juga merupakan peluang bagi kedua pihak iaitu penyedia dan pengguna berkomunikasi kerana maklumat masa sebenar (real-time) membenarkan proses membuat keputusan dapat dilakukan dengan lebih kreatif dan segera. Ini bertepatan dengan kriteria penyampaian maklumat yang berkesan iaitu terkini, relevan dan tepat. Di antara kelebihan yang diperolehi melalui pelaporan maklumat menggunakan internet adalah dapat menjimatkan masa dan kos penyebaran maklumat kepada pengguna. Selain itu, jumlah maklumat yang boleh didedahkan juga dapat ditingkatkan, malah secara tidak langsung pelaporan ini dapat meningkatkan imej organisasi.

Pihak Berkuasa Tempatan

Kerajaan tempatan merupakan peringkat kerajaan yang ketiga dalam struktur kerajaan di Malaysia, selepas Persekutuan dan Negeri. Melihat kepada peranannya, kerajaan tempatan atau juga dikenali sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) merupakan satu peringkat kerajaan yang paling hampir dengan masyarakat setempat. Akta parlimen memberi kuasa ke atas penubuhan kerajaan tempatan bagi memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk turut serta dalam pentadbiran kawasan kerajaan tempatan. Kerajaan tempatan adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dari segi skop dan kuasa pentadbiran, peruntukan am kewangan, hasil yang boleh dikutip, perakaunan, pengauditan dan sebagainya.

Dari segi sejarahnya, sistem PBT yang wujud sekarang, pada keseluruhannya berasal daripada sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh pihak British. Namun begitu, sistem ini telah melalui perubahan

apabila ciri-ciri sosio-budaya tempatan mempengaruhi sistem kerajaan tempatan. Pada tahun 1801, Majlis Penilai (Council of Assessors) telah ditubuhkan di Pulau Pinang bertujuan untuk merancang dan melaksanakan pembangunan bandar. Ini sekaligus membawa kepada penubuhan kerajaan tempatan di Tanah Melayu. Majlis-majlis tempatan kemudian terbentuk di Melaka dan negeri-negeri yang lain di Tanah Melayu sehinggalah ke Sarawak dan Borneo Utara ([www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan tempatan di Malaysia](http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan-tempatan-di-Malaysia)).

Penubuhan kerajaan tempatan ini membawa kepada pengenalan pelbagai sistem perundangan oleh pihak British dan di antaranya ialah Ordinan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1950 (pemberian kuasa kepada majlis-majlis tempatan mengemukakan pilihanraya) serta Ordinan Kerajaan Tempatan 1952 (pemberian kuasa kepada penduduk setempat membentuk majlis-majlis tempatan di mana perlu).

Namun begitu, semenjak tahun 1965, sistem pilihanraya kerajaan tempatan yang telah diguna pakai telah digantung. Ini berlaku akibat permasalahan dalaman berkaitan pentadbiran dan politik yang dihadapi oleh kerajaan tempatan serta konfrantasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Kesannya ialah kerajaan tempatan di Malaysia tidak lagi mengadakan pilihanraya sebagaimana yang telah diamalkan sebelum ini.

Permasalahan yang dialami oleh kerajaan tempatan pada tahun 1960an ini telah membawa kepada penubuhan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 1971) yang bertujuan untuk menggariskan bentuk, struktur organisasi serta tugas dan tanggungjawab kerajaan tempatan secara menyeluruh. (www.angelfire.com/mdptkn/page1.html).

PBT boleh dikelaskan kepada tiga kategori iaitu Majlis/Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah bergantung kepada bilangan penduduk dan jumlah hasil yang dikutip dalam kawasan tersebut. Majlis/Dewan Bandaraya ialah Majlis Perbandaran yang dinaikkan taraf sebagai bandaraya setelah memenuhi kriteria tertentu. Majlis Perbandaran pula lebih kepada Bandar (urban) dan mempunyai jumlah penduduk dan hasil yang melebihi majlis daerah. Manakala Majlis Daerah pula lebih tertumpu kepada kawasan luar Bandar (rural base). Secara umumnya, PBT di Malaysia dipertanggungjawabkan dengan pelbagai fungsi yang merangkumi empat aspek utama iaitu pembersihan, kesihatan, kawalan dam pembangunan.

Objektif Kajian


Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada PBT di negeri-negeri pantai timur Malaysia menggunakan laman sesawang untuk menzahirkan akauntabiliti. Secara khusus, tujuan kajian adalah untuk:-

1. Mengenalpasti sama ada PBT di negeri- negeri pantai timur Malaysia mendedahkan maklumat kewangan di laman sesawang rasmi mereka.
2. Mengetahui apakah maklumat kewangan yang didedahkan.

Kajian Literatur

Konsep Akauntabiliti Awam – Hubungan PBT Dan Orang Awam

Konsep akauntabiliti awam secara khusus bertitik-tolak kepada kepercayaan bahawa orang awam mempunyai “hak untuk mengetahui” atau hak untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai daripada kerajaan setempat (Omar et al. 2007; Pablos et al. 2002). Umum mengetahui bahawa konsep akauntabiliti ini wujud apabila terdapat satu pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melaporkan keputusan dan tindakan kepada satu pihak yang lain (Omar et al., 2007). Oleh itu, akauntabiliti akan wujud jika ejen menerima sumber dan tanggung jawab daripada prinsipal (Kluvers & Tippett 2010, 2011; Pina et al. 2010). Rajah 1 menjelaskan hubungan akauntabiliti di antara orang awam dan PBT.



Rajah 1: Konsep Akauntabiliti Kewangan Dalam Sektor Awam
(Diadaptasi daripada: Engku Ismail et al. (2006) dan Omar et al. (2007))

Hubungan akauntabiliti dalam sektor awam secara tidak langsung telah menganggap orang awam sebagai salah satu pengguna maklumat kewangan kerajaan (Lily et al. 2012). Sejalan dengan itu orang awam berhak untuk mengetahui sejauh mana sumber kewangan ini digunakan dan diurus oleh PBT (Perez et al. 2005). Sebagai pengguna, orang awam berminat untuk mendapatkan maklumat bagi membolehkan mereka menilai prestasi dan kedudukan kewangan PBT (Pablos et al. 2002). Oleh itu, pihak PBT seharusnya lebih terbuka untuk mendedahkan maklumat yang diperlukan oleh orang awam (Steccolini, 2004). Ini adalah kerana ianya merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, di samping bertindak sebagai salah satu cara untuk melaksanakan akauntabiliti mereka terhadap peranan PBT kepada masyarakat setempat.

Secara dasarnya, pendedahan maklumat kewangan yang efektif oleh pihak PBT boleh dianggap sebagai asas kepada akauntabiliti. Ini kerana manfaat daripada maklumat kewangan bertitik-tolak kepada aspek sama ada maklumat tersebut mudah diperolehi ataupun tidak (Pina et al., 2010; Pablos et al., 2002). Manakala pendedahan maklumat prestasi yang lengkap dan jelas oleh PBT pula menggambarkan bahawa akauntabiliti telah dilaksanakan (Tooley et al., 2010). Malah, kebolehcapaian terhadap maklumat yang mudah difahami amat penting untuk mewujudkan akauntabiliti (Kluvers & Tippett 2010; Pina et al., 2010). Ini disokong melalui kajian oleh Tayib et al. (1999) yang menyatakan bahawa pelaporan maklumat kewangan juga merupakan salah satu mekanisme untuk menterjemahkan pelaksanaan akauntabiliti. Dengan itu, PBT sememangnya berperanan untuk menyalurkan maklumat kewangan dan prestasi yang lengkap dan jelas untuk memenuhi kehendak orang awam (Lily et al., 2012). Hubungan yang wujud ini adalah berdasarkan kepada teori agensi di antara dua pihak; iaitu ejen dan prinsipal, di mana orang awam adalah prinsipal dan PBT adalah ejen (Kluvers dan Tippett 2010, 2011; Pina et al., 2010; Pablos et al., 2002). Perhubungan ejen dan prinsipal ini melibatkan penyaluran dana melalui pembayaran cukai oleh orang awam kepada PBT.

Pelaporan Maklumat Kewangan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan

Pendedahan laporan maklumat kewangan kepada pihak luar dapat menunjukkan kecekapan dan kelemahan operasi kendalian sesebuah kerajaan atau jabatan kerajaan. Fungsi utama pelaporan ini antaranya menyampaikan nilai maklumat yang tepat dan bermutu mengenai kedudukan kewangan yang mana digunakan untuk membantu pengurus membuat keputusan dan juga kepada pihak-pihak lain untuk tujuan penilaian.

Pada dasarnya, pelaporan maklumat kewangan bagi sektor komersial dan kerajaan mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menzahirkan akauntabiliti (Engku Ismail et al., 2006). Namun begitu, pelaporan maklumat kewangan PBT dibuat supaya akauntabiliti terhadap pengguna dalaman dapat dilaksanakan (Steccolini, 2004). Ini kerana matlamat dan tujuan perakaunan dalam sektor awam adalah menjurus kepada pematuhan terhadap perundangan dan menunjukkan tahap akauntabiliti yang telah dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkaitan (Engku Ismail et al., 2006). Walaubagaimanapun, akauntabiliti PBT tidak seharusnya tertumpu kepada pengguna dalaman semata-mata. Malahan orang awam secara khususnya pembayar cukai juga berhak untuk mengetahui bagaimana kaedah pengagihan dana awam

dilaksanakan. Oleh itu pelaporan maklumat kewangan oleh PBT seharusnya dapat menzahirkan akauntabiliti kepada pihak berkepentingan secara keseluruhannya (Kluvers & Tippet 2010; Pablos et al., 2002).

Menurut Kluvers dan Tippet (2010) akauntabiliti bukanlah semata – mata mengenai pematuhan tetapi ianya lebih menjurus kepada hubungan dengan pihak berkepentingan. Hubungan ini wujud kerana pihak berkepentingan juga memerlukan maklumat kewangan PBT dalam membuat keputusan. Secara jelas, pihak berkepentingan meletakkan nilai yang berbeza bagi setiap maklumat yang dilaporkan. Kajian oleh Tooley et al. (2010) menunjukkan bahawa pihak berkepentingan meletakkan nilai yang tinggi terhadap pencapaian dan apa yang ingin dicapai oleh PBT sebagai maklumat yang sangat penting yang perlu dilaporkan di dalam laporan tahunan PBT. Secara khusus, pihak yang berkepentingan (luaran) lebih cenderung terhadap maklumat yang berbentuk prestasi operasi berbanding maklumat mengenai ekuiti dan aliran tunai. Ini bermakna setiap maklumat kewangan dan bukan kewangan itu mempunyai nilai yang tinggi mengikut keperluan pihak berkepentingan.

Pihak berkepentingan yang khususnya merujuk kepada pembayar cukai didapati lebih cenderung untuk mengetahui penyata pendapatan dan perbelanjaan PBT. Ini kerana pembayar cukai di kawasan yang mempunyai tunggakan cukai yang tinggi lebih terdorong untuk membayar cukai jika mereka diberi peluang untuk membaca penyata kewangan PBT di kawasan tersebut (Tayib et al., 1999). Secara tidak langsung ini menggambarkan bahawa tingkah laku pembayar cukai juga dipengaruhi oleh tahap kepuasan pembayar cukai terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh PBT (Fjeldstad & Semboja 2001). Malah, ia juga mencerminkan bahawa pembayar cukai berminat terhadap pencapaian dan prestasi PBT. Selain itu kepercayaan pembayar cukai terhadap prosedur kutipan cukai oleh pihak berkuasa mempunyai kesan terhadap kepatuhan pembayar cukai untuk membayar cukai secara sukarela (Dijke dan Verboon, 2010). Oleh itu, pendedahan maklumat oleh PBT secara tidak langsung akan menggalakkan pembayaran cukai serta memberi lebih ruang kepada pembayar cukai untuk menilai sejauh mana dana yang diperolehi digunakan untuk tujuan orang awam.

Pelaporan Maklumat Oleh PBT Di Internet – Faktor Yang Mempengaruhi Pelaporan Maklumat

Di dalam era moden ini, internet telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat kerana kepentingan penggunaannya dalam menyebarkan sebarang bentuk maklumat. Penyebaran maklumat melalui internet membolehkan maklumat disampaikan kepada sesiapa sahaja dalam waktu yang singkat. Ekoran itu, pelaporan maklumat oleh PBT di internet juga boleh dilihat sebagai satu langkah yang bijak kerana ianya merupakan kaedah penyebaran maklumat yang terkini dan merupakan saluran yang berkesan dalam mengeratkan hubungan di antara PBT dan orang awam (Harris et al., 2011). Dengan itu, PBT boleh dianggap sebagai satu entiti yang berorientasikan penduduk setempat dan bukannya entiti yang sarat dengan birokrasi (Alvarez et al., 2010). Secara tidak langsung, penggunaan laman sesawang akan membuka ruang kepada orang awam untuk lebih dekat kepada kerajaan seterusnya membantu pihak PBT dalam pengurusan pentadbiran mereka. Sejajar dengan itu, laman sesawang PBT secara khususnya bukan sahaja harus lebih berinformasi malah ianya juga perlu memberi ruang kepada komunikasi dua hala antara penduduk setempat dan pengurusan PBT (Musso et al., 1999) serta dapat membantu orang awam dalam menjalankan aktiviti sebagai warganegara yang berkualiti. Oleh kerana itu, Mohd Hanapi dan Mohamad Noorman (2010) menegaskan bahawa kejayaan laman sesawang kerajaan diukur dengan kebolehcapaian laman sesawang tersebut oleh semua golongan masyarakat termasuk golongan kurang upaya.

Penggunaan internet dalam pelaporan maklumat kewangan dilihat dapat membantu ke arah ketelusan dan peningkatan kepercayaan masyarakat terhadap kewibawaan penguatkuasaan PBT. Ini sejajar dengan kajian oleh Anuar et al. (2004) yang menyatakan sistem dan prosedur PBT yang kurang telus boleh mengundang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Secara ringkas, kajian lalu (Ghani & Said 2010; Gandia & Archidona 2008; Laswad et al., 2005) membuktikan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelaporan maklumat oleh PBT di internet. Namun begitu, faktor-faktor ini menemui hasil dapatan kajian yang berbeza. Secara khusus, faktor saiz misalnya dikatakan mempengaruhi kadar pelaporan maklumat di internet oleh PBT (Ghani & Said 2010) sebaliknya Laswad et al. (2005) mendapati faktor ini tidak signifikan dalam menerangkan hubungannya dengan pelaporan maklumat PBT di internet.

Manakala bagi faktor kekerapan kemunculan di media pula, Gandia & Archidona (2008) dan Laswad et al. (2005) mendapati ianya mempunyai hubungan secara langsung terhadap pelaporan maklumat kewangan PBT di internet. Ini mungkin berlaku disebabkan oleh PBT cuba untuk mempamerkan imej yang bersih di samping untuk menunaikan akauntabiliti terhadap orang awam dengan melaporkan lebih banyak

maklumat di internet. Selain itu, faktor urbanisasi dan kurangnya capaian internet di sesuatu kawasan menjelaskan mengapa majlis daerah kurang melaporkan maklumat di internet berbanding dengan majlis perbandaran (Laswad et al., 2005). Manakala Gandia & Archidona (2008) pula mendapati tahap pendidikan dan teknologi mempengaruhi kadar pelaporan maklumat oleh PBT. Sebaliknya, Ghani & Said (2010) mendedahkan bahawa kekurangan kemudahan teknologi, staf yang berkemahiran dan ketiadaan sebarang bentuk penguatkuasaan merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kurangnya pelaporan maklumat kewangan secara digital.

Metodologi Kajian

Bagi tujuan pengumpulan data, senarai pihak berkuasa tempatan bagi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan diperolehi daripada laman sesawang rasmi kerajaan negeri masing-masing. Secara khususnya terdapat 30 laman sesawang PBT yang dikaji bagi menghasilkan data kajian.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada PBT di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Bagi tujuan pensampelan, hanya PBT yang mempunyai laman sesawang sahaja akan dijadikan sampel kajian. Ini kerana menurut Ghani & Said (2010) terdapat 39 PBT (35.8%) di Semenanjung Malaysia tidak mempunyai laman sesawang/laman sesawang yang tidak lengkap. Kaedah pensampelan digunakan kerana ianya menjimatkan kos dan masa, menghasilkan data kajian yang tepat dan keberadaan elemen dalam populasi (Cooper & Schindler, 2006). Namun begitu, kaedah persampelan ini tidak akan sesuai digunakan jika populasi kajian adalah kecil dan elemen dalam populasi adalah berbeza. Oleh kerana itu, maka kesemua 30 laman sesawang PBT akan dikaji dalam menghasilkan data kajian.

Tempoh pengumpulan data untuk tujuan kajian bermula daripada Jun 2012 sehingga Disember 2012. Ini kerana menurut seksyen 60(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 menjelaskan bahawa juruaudit berkewajipan untuk mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan pandangan mereka ke atas akaun pihak berkuasa tempatan itu pada atau sebelum tiga puluh satu (31) hari bulan Oktober setiap tahun bagi tahun kewangan yang lalu. Dengan mengambilkira seksyen ini, maka data kewangan tahun 2011 digunakan sebagai asas kepada data kajian.

Jadual 1: Senarai Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia

Negeri	Dewan/Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah	Jumlah
Kelantan Darul Naim	0	1	11	12
Pahang Darul Makmur	0	3	8	11
Terengganu Darul Iman	1	2	4	7
Jumlah	1	6	23	30

Sumber: <http://www.e.epbt.gov.my>

Instrumen Kajian

Pelaporan akauntabiliti dalam kajian ini diukur melalui pendedahan maklumat kewangan yang dilaporkan dalam laman sesawang PBT. Ghani & Said (2010) dan Laswad et al. (2005) merujuk, maklumat kewangan adalah sebarang maklumat yang berkaitan dengan laporan kewangan, sorotan kewangan dan rancangan tahunan kewangan (*“annual monetary plan”*). Manakala Lily et al. (2012) mendefinisikan maklumat kewangan dengan merujuk kepada sebarang maklumat kewangan yang berkaitan dengan penyata kewangan (dalam bentuk laporan), laporan tahunan pihak berkuasa tempatan yang mengandungi maklumat kewangan (dalam bentuk jadual atau rajah) dan juga sebarang maklumat kewangan dalam bentuk rancangan tahunan kewangan atau maklumat kewangan yang dilaporkan oleh jabatan atau unit dalam pihak berkuasa tempatan. Dalam kajian ini, pelaporan maklumat kewangan didefinisikan dengan sebarang maklumat kewangan yang dilaporkan yang secara khususnya hadir nilai dalam bentuk ringgit (RM). Maklumat kewangan ini boleh hadir dalam bentuk penyata atau secara

individu/sendirian dalam bentuk nombor atau ayat (tetapi terdapat nilai RM dalam ayat tersebut) atau rajah dan jadual.

Secara khusus, satu instrumen telah dibangunkan bagi memudahkan pelaporan akauntabiliti ini diukur. Secara ringkas, instrumen ini dibangunkan melalui instrumen yang telah digunapakai dalam kajian-kajian lalu (Lily et al., 2012; Ghani & Said 2010; Gandia & Archidona 2008; Laswad et al., 2005; Tooley et al., 2010; Saidin et al., 2004; Tayib et al., 1999).

Berikut merupakan indeks maklumat kewangan yang digunakan dalam menghasilkan data untuk pelaporan akauntabiliti:

Jadual 2: Indeks Maklumat Kewangan

Maklumat Kewangan	
1	Perbelanjaan dikategorikan mengikut jenis atau fungsi
2	Jumlah lebihan/ kurangan pendapatan atas perbelanjaan
3	Jumlah hasil mengikut aktiviti atau perkhidmatan yang di berikan oleh PBT
4	Jumlah perbelanjaan mengikut perkhidmatan/ aktiviti
5	Jumlah perbelanjaan
6	Jumlah hasil
7	Hasil mengikut sumber hasil tersebut
8	Penyata aliran tunai
9	Penyata pendapatan dan perbelanjaan
10	Kunci kira- kira
11	Rancangan tahunan kewangan/ Bajet kewangan
12	Laporan tahunan PBT
13	Piawai perakaunan yang digunakan
14	Sebarang maklumat kewangan tahun-tahun yang lalu
15	Sebarang maklumat kewangan bagi tahun 2012
16	Sebarang maklumat kewangan yang tidak tersenarai daripada perkara 1 hingga 14.

Manakala pengukuran terhadap pelaporan maklumat ini akan menggunakan indeks tanpa pemberat. Ianya dibuat dengan memberi skor kepada maklumat yang didedahkan mengikut senarai maklumat kewangan yang disediakan. Skor 0 diberi jika tiada pendedahan maklumat dan skor 1 diberi jika maklumat didedahkan. Jumlah pendedahan maklumat akan dikira seperti berikut (Nur Barizah & Zakiah, 2011):-

$$TD = \sum d_i$$

TD = jumlah pendedahan maklumat kewangan

d = 1 jika maklumat didedahkan

d = 0 jika maklumat tidak didedahkan

$$\text{Peratusan pendedahan maklumat} = \frac{\text{Bilangan maklumat yang didedahkan}}{\text{Jumlah pendedahan maklumat}} \times 100\%$$


HASIL KAJIAN

Hasil deskriptif di bawah menunjukkan jenis PBT di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Secara purata, semua PBT di negeri- negeri Pantai Timur mempunyai laman sesawang.

Jadual 3 : PBT Yang Mempunyai Laman Sesawang Rasmi

Jenis Pihak Berkuasa Tempatan	Mempunyai Laman Sesawang Rasmi	Tidak Mempunyai Laman Sesawang Rasmi
Bandaraya	1	0
Majlis perbandaran	6	0
Majlis Daerah	23	0
Jumlah	30	0

Dapatan kajian ini disokong oleh Lily et al. (2012) yang mendapati bahawa kesemua PBT di negeri Pahang mempunyai laman sesawang rasmi. Namun begitu, dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatan kajian oleh Ghani & Said (2010) yang mendapati 39 PBT (35.8%) di Semenanjung Malaysia tidak mempunyai laman sesawang/laman sesawang yang tidak lengkap. Ini mungkin dapat dijustifikasikan oleh faktor tempoh masa yang mungkin mempengaruhi dapatan kajian. Malah, perubahan dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia juga memberi kesan terhadap PBT untuk membangunkan laman sesawang rasmi. Malah, program tranformasi ICT dalam sektor awam yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 7hb Julai 2011 secara tidak langsung memberi kesan terhadap sektor awam untuk mempunyai laman sesawang. Kebergunaan laman sesawang sebagai alat dalam menyampaikan maklumat kerajaan telah diiktiraf sebagai amat penting. Ini kerana ianya mampu untuk menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kerajaan kepada orang awam (Mohd Hanapi & Mohamad Noorman, 2010; Lily et al., 2012). Malah, penggunaan internet sebagai medium untuk mencari maklumat telah menjadi gaya hidup pihak berkepentingan pada masa kini (Aly et al., 2010).



Rajah 2 : Peratusan PBT Yang Melaporkan Maklumat Kewangan Di Laman Sesawang

Rajah 2 menunjukkan peratusan pelaporan maklumat kewangan PBT di laman sesawang. Secara ringkas, hanya 13% daripada PBT di negeri-negeri Pantai Timur Malaysia melaporkan maklumat kewangan di laman sesawang. Manakala 87% daripada PBT tidak melaporkan sebarang maklumat kewangan di laman sesawang rasmi mereka. Pendedahan maklumat yang rendah ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Lily et al. (2012) yang mendapati hanya 27% sahaja daripada PBT di negeri Pahang mendedahkan maklumat kewangan di laman sesawang

rasmi. Pelaporan maklumat kewangan yang rendah di kalangan PBT negeri Pahang mungkin dapat dijustifikasikan dengan anggapan oleh pihak PBT bahawa maklumat kewangan tidak boleh didedahkan kepada pihak lain kecuali agensi dan badan-badan kerajaan sahaja (Tayib, 2004). Selain itu keadaan ini juga dikatakan berpunca daripada kurangnya tenaga kerja yang mahir untuk menyelenggarakan laman sesawang dan ketiadaan sebarang bentuk kehendak statutori terutamanya daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengkehendaki semua PBT untuk mendedahkan penyata kewangan di laman sesawang (Ghani & Said, 2010; Saidin et al., 2004). Namun begitu, dengan perkembangan teknologi yang kian membangun, justifikasi yang menyatakan bahawa kurangnya tenaga kerja mahir sebagai alasan untuk tidak mendedahkan maklumat kewangan di laman sesawang adalah tidak dapat diterima. Ini adalah kerana tranformasi ICT yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak sedikit sebanyak telah mengubah lanskap ICT dalam sektor awam.

Jadual 4: Jenis PBT Yang Melaporkan Maklumat Kewangan Di Laman Sesawang

Jenis Pihak Berkuasa Tempatan	Peratusan Yang Mendedahkan Maklumat Kewangan	Peratusan Yang Tidak Mendedahkan Maklumat Kewangan
Bandaraya	0	100%
Majlis Perbandaran	33%	67%
Majlis Daerah	9%	91%

Jadual 4 menunjukkan jenis PBT yang mendedahkan maklumat kewangan di laman sesawang. Jenis PBT bandaraya misalnya tidak mendedahkan maklumat kewangan di laman sesawang. Manakala, bagi majlis perbandaran pula, hanya 33% sahaja yang mendedahkan maklumat kewangan dalam laman sesawang. Seterusnya, majlis daerah diwakili oleh 9% dalam pendedahan maklumat kewangan di laman sesawang.

Dapatan kajian ini mungkin boleh dijelaskan melalui faktor-faktor seperti tahap pendidikan masyarakat setempat (level of education), capaian internet dan juga faktor urbanisasi. Ini disokong oleh Laswad F. et al. (2005) dan Gandia & Archidona, (2008) yang mendapati ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi pelaporan maklumat kewangan di internet oleh PBT. Namun begitu, pihak PBT seharusnya mengambil langkah yang lebih pro-aktif dalam pendedahan maklumat kewangan melalui laman sesawang. Ini kerana ianya selari dengan peningkatan penggunaan internet di kalangan rakyat Malaysia yang meningkat daripada 25% kepada 41% pada tahun 2010 (Berita Bernama, 14 April 2011). Malah pendedahan maklumat kewangan melalui internet boleh dianggap sebagai satu langkah untuk menjadi lebih telus kepada orang awam. Ekoran itu, pelaporan maklumat kewangan oleh PBT secara tidak langsung dapat menjelaskan akauntabiliti oleh PBT kepada pihak berkepentingan termasuk orang awam (Kluvers & Tippett, 2010; Pablos et al., 2002).

Jadual 5:Analisa Jenis Maklumat Kewangan Yang Didedahkan Di Laman Sesawang Mengikut Negeri

	Maklumat Kewangan	Pahang	Terengganu	Kelantan
1	Perbelanjaan dikategorikan mengikut jenis atau fungsi			
2	Jumlah lebihan/ kurangan pendapatan atas perbelanjaan			
3	Jumlah hasil mengikut aktiviti atau perkhidmatan yang di berikan oleh PBT			
4	Jumlah perbelanjaan mengikut perkhidmatan/ aktiviti			
5	Jumlah perbelanjaan			
6	Jumlah hasil		√	
7	Hasil mengikut sumber hasil tersebut			
8	Penyata aliran tunai			
9	Penyata pendapatan dan perbelanjaan			
10	Kunci kira- kira			
11	Rancangan tahunan kewangan/ Bajet kewangan		√	
12	Laporan tahunan PBT			
13	Piawai perakaunan yang digunakan			
14	Sebarang maklumat kewangan tahun lalu	√		
15	Sebarang maklumat kewangan bagi tahun 2012			√
16	Sebarang maklumat kewangan yang tidak tersenarai daripada perkara 1 hingga 14. (maklumat kewangan tahun 2011)		√	
	Jumlah maklumat yang didedahkan	1	3	1
	Peratusan pendedahan maklumat	6.25%	18.75%	6.25%

Jadual 5 menunjukkan jenis maklumat kewangan yang didedahkan di laman sesawang PBT. Dapatan kajian menunjukkan terdapat PBT (diwakili oleh 2 PBT) di negeri Pahang mendedahkan satu jenis maklumat kewangan di laman sesawang. Manakala bagi PBT di Terengganu dan Kelantan hanya satu PBT sahaja yang mendedahkan maklumat kewangan. Secara ringkas, maklumat kewangan yang didedahkan bagi PBT di negeri Kelantan adalah maklumat kewangan tahun 2012. Secara khusus, maklumat kewangan yang didedahkan adalah mengenai jumlah perbelanjaan terhadap satu aktiviti yang telah dijalankan oleh PBT di laman sesawang. Manakala, PBT di negeri Terengganu pula mendedahkan jumlah hasil bagi jabatan perbendaharaan setiap bulan bagi tahun 2011.

Dapatan kajian ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa PBT di negeri- negeri Pantai Timur Malaysia belum begitu terbuka untuk mendedahkan maklumat kewangan di laman sesawang. Keterbukaan PBT untuk mendedahkan maklumat kewangan di internet secara tidak langsung mencerminkan akauntabiliti PBT kepada orang awam. Malah, pendedahan maklumat kewangan juga mungkin boleh dilihat sebagai satu langkah untuk menjadi lebih telus kepada orang awam. Ini kerana dapatan kajian oleh Tayib et al. (1999) mendapati orang awam secara khususnya pembayar cukai lebih terdorong untuk membayar cukai jika mereka diberi peluang untuk membaca penyata kewangan PBT di kawasan tersebut. Oleh itu, pendedahan maklumat oleh PBT secara tidak langsung akan menggalakkan pembayaran cukai serta memberi lebih ruang kepada pembayar cukai untuk menilai sejauh mana dana yang diperolehi digunakan untuk tujuan orang awam (Lily et al., 2012).

Kesimpulan dan cadangan

Penggunaan laman sesawang dan internet dalam teknologi maklumat dan komunikasi bagi sektor awam merupakan satu inovasi yang penting (Asmah et al., 2009). Inovasi dalam aspek ini secara langsung membolehkan orang awam untuk memperolehi sumber dan perkhidmatan daripada sektor awam pada bila-bila masa (Mohd Hanapi & Mohamad Noorman, 2010). Malahan, penggunaan laman sesawang akan membuka ruang kepada orang awam untuk menjadi lebih dekat kepada kerajaan seterusnya membantu pihak PBT dalam pengurusan pentadbiran mereka (Lily et al., 2012).

Kesediaan pihak PBT dalam menggunakan teknologi internet secara tidak langsung mencerminkan ketelusan dan keterbukaan mereka terhadap orang awam dan ianya dapat meningkatkan akauntabiliti. Ini penting kerana akauntabiliti PBT terletak kepada dua pihak yang berbeza iaitu kerajaan persekutuan dan masyarakat setempat (Ahmad & Zubaidah, 2011). Oleh kerana sumber kewangan PBT berpunca daripada dua pihak ini maka adalah menjadi tanggungjawab bagi mereka untuk melaksanakan akauntabiliti atas dana yang diperolehi. Pelaksanaan akauntabiliti terhadap kerajaan persekutuan adalah selari dengan ketetapan seksyen 54(3) Akta Kerajaan Tempatan. Manakala yang menjadi persoalan adalah mengenai pelaksanaan akauntabiliti terhadap masyarakat setempat. Ini kerana, menurut Saidin et al. (2004), orang awam hanya berhak untuk memperolehi penyata kewangan setelah diwartakan. Oleh kerana terdapat jurang antara pelaksanaan akauntabiliti terhadap masyarakat setempat, adalah menjadi tanggungjawab sosial bagi pihak PBT untuk melaporkan pengurusan dana kepada orang awam. Dalam aspek ini, saluran yang berkesan haruslah digunakan dalam menyampaikan maklumat kewangan kepada orang awam. Penggunaan teknologi internet adalah wajar dalam melaksanakan objektif ini malah mekanisme pelaporan maklumat melalui internet dianggap sebagai media paling berkesan untuk menyakinkan pihak berkepentingan bahawa akauntabiliti telah berjaya dilaksanakan (Laswad et al., 2005).

Hasil kajian ini secara jelas menunjukkan bahawa semua PBT di negeri – negeri Pantai Timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan menerima internet sebagai salah satu bentuk komunikasi. Ini dibuktikan melalui pembinaan laman sesawang rasmi PBT bagi setiap daerah. Namun begitu, peranan internet ini seharusnya tidak tertumpu kepada penyaluran maklumat aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan (Musso, et al., 1999) malah, ianya perlu memberi ruang kepada komunikasi dua hala antara penduduk setempat dan pengurusan PBT (Lily et al., 2012).

Oleh itu, pelaporan maklumat di internet juga haruslah dilihat sebagai salah satu cara atau kaedah untuk melaksanakan akauntabiliti terhadap orang awam khususnya pembayar cukai.

Secara khusus, pelaksanaan akauntabiliti terhadap orang awam boleh dilakukan melalui pelaporan maklumat kewangan di internet. Ini kerana ketelusan dalam aspek perakaunan merupakan salah satu mekanisme dalam mewujudkan akauntabiliti (Danilah & Siti Nabiha, 2011). Oleh itu, pelaporan maklumat kewangan melalui internet secara tidak langsung dapat mencerminkan ketelusan pihak PBT terhadap orang awam (Lily et al., 2012). Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaporan maklumat kewangan PBT di internet masih berada di tahap yang rendah. Secara khusus, hanya 13% daripada PBT di negeri –negeri Pantai Timur mendedahkan maklumat kewangan di laman sesawang. Manakala analisa seterusnya menunjukkan PBT di negeri Terengganu lebih banyak mendedahkan maklumat kewangan di internet berbanding dengan PBT di negeri- negeri lain. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa 33% bagi majlis perbandaran dan 9% daripada majlis daerah mendedahkan maklumat kewangan di internet. Manakala majlis bandaraya didapati tidak mendedahkan maklumat kewangan di internet.

Pelaporan maklumat kewangan yang rendah di internet oleh PBT di negeri-negeri Pantai Timur mungkin dapat dijustifikasikan dengan hasil dapatan kajian-kajian lalu. Ghani & Said (2010) dan Saidin et al. (2004) menegaskan bahawa kekurangan tenaga kerja yang mahir untuk menyelenggarakan laman sesawang dan ketiadaan sebarang bentuk kehendak statutori terutamanya daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mewajibkan semua PBT untuk mendedahkan penyata kewangan di laman sesawang merupakan di antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini. Namun begitu, dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat, justifikasi yang menyatakan kurangnya tenaga mahir untuk menyelenggara laman sesawang adalah kurang wajar untuk diterima. Ini kerana dengan tranformasi ICT dalam sektor awam secara tidak langsung membuka jalan kepada PBT untuk menjadi lebih celik terhadap penggunaan internet.

Penggunaan internet dalam sektor awam memberi peluang kepada mereka untuk memenuhi keperluan pengguna. Malah internet juga secara tidak langsung memberi ruang kepada PBT untuk lebih

prihatin terhadap keperluan dan kehendak pengguna. Oleh itu, PBT seharusnya lebih peka terhadap keperluan pengguna termasuk pelaporan maklumat kewangan. Pelaporan maklumat kewangan sewajarnya didedahkan dengan cara yang mudah difahami malah membenarkan pengguna (secara khususnya pembayar cukai) menilai prestasi kewangan PBT di kawasan mereka.

RUJUKAN

- Ahmad, S.A.P.S. dan Zubaidah, Z.A., 2011. Being Transparent – An evidence of a local authority in Malaysia. *International Conference on Sociality and Economic Development*. IPEDR vol. 10. IACSIT Press, Singapore.
- Akta Kerajaan Tempatan (1976).
- Ali Saleh, A.A., Mohamad, H.S. dan Mustafa, M.H. (2009). Determinants of financial and environment disclosures through the internet by Malaysian companies. *Asian Review of Accounting* 17 (1): 59 – 76.
- Alvarez, I.G., Dominguez, L.R. dan Sanchez, I.M.G. (2010). Are determining factors of municipal e-government common to a worldwide municipal view? An intra-country comparison. *Government Information Quarterly* 27: 423 - 430.
- Aly, D., Simon, J. dan Hussainey, K. (2010). Determinants of corporate internet reporting: evidence from Egypt. *Managerial Auditing Journal* 25(2):182 – 202.
- Anuar, A.R., Haji Ismail, M.S. dan Mohd Saad, N. (2004). Pembiayaan PBT dan cabarannya: Dari majlis perbandaran ke bandaraya Alor Star: Isu dan cabaran dalam pengurusan kewangan. *Persidangan Akauntan Pihak Berkuasa Tempatan*.
- Asmah, A.A., Nur Nariza, M. A. dan Intan Salwani, M. (2011). *Internet Financial Reporting in Malaysia*. Dibentangkan di International Conference on Machine Learning dan Computing.
- Cooper, D.R. dan Schindler, P.S. (2006). *Business Research Methods*. Mc Graw Hill Education. Edisi ke 9. Muka surat 403.
- Danilah, S. dan Siti Nabiha, A.K. (2011). *Accountability practice at local government of Malaysia*. Pembentangan kertas kerja di International Conference on Business and Economic Research kali ke 2.
- Deller, D., Stubenrath, M. dan Weber, C. (1999). A Survey on the use of the internet for investor relation in the USA, the UK and Germany. *The European Accounting Review*, 8(2), 351 – 364.
- Dijke, M.V. dan Verboon, P. (2010). Trust in authorities as a boundary condition to procedural fairness effects on tax compliance. *Journal of Economic Psychology* 31: 80–91.
- Engku Ismail, E.A., Mohamad Sharofi, I., Syed Sofian, S.I., Siti Zabadah, S. dan Zarifah, A. (2006). *Perakaunan Sektor Awam*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Fisher, R., Oyelere, P. dan Laswad, F. (2004). Corporate reporting on the Internet: Audit issues and content analysis of practices. *Managerial Auditing Journal*. Vol 19 (3) : 412 – 439.
- Fjeldstad, O.H dan Semboja, J. (2001). *Why People Pay Taxes: The Case of the development Levy in Tanzania*. *World Development* 29(12): 2059-2074.
- Fungsi-fungsi Utama*. [http:// www.angelfire.com/mdptkn/page1.html](http://www.angelfire.com/mdptkn/page1.html)
- Gandia, J. L. dan Archidona, M.C. (2008). Determinants of web site information by Spanish city councils. *Online Information Review* Volume 32 (1): 35 – 57.

- Ghani, E dan Said, J. (2010). "Digital Reporting practices among Malaysian Local Authorities". *Electronic Journal of e-Government* Volume 8 (1) 2010: 33 – 44.
- Harris, J.A., McKenzie, K.S. dan Rentfro, R.W. (2011). "Performance reporting: Assessing citizen access to performance measures on state government websites". *Journal of Public Budgeting, Accounting dan Financial Management*, 23(1), 117-138.
- Hooks, J. Tooley, S. dan Basnan, N. (2012). An index of best practice performance reporting for Malaysian local authorities. *Journal of Applied Accounting Research*. Vol 13(3).
- Joseph, C. dan Taplin, R. (2012). Local government website sustainability reporting: a mimicry perspective. *Social Responsibility Journal*. Vol 8 (3).
- Kerajaan tempatan Di Malaysia*. [http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan tempatan di Malaysia](http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan-tempatan-di-malaysia).
- Kluvers, R. dan Tippett, J. (2010). Mechanisms of accountability in local government: An exploratory study. *International Journal of Business and Management* 5(7): 46 – 53.
- Kluver, R. dan Tippett, J. (2011). The views of councillors and managers on accountability in local government. *International Journal of Management* 28(2): 519 – 527.
- Laswad, F., Fisher, R. dan Oyelere, P. (2005). Determinants of voluntary Internet financial reporting by local government authorities. *Journal of accounting Public Policy* 24:101 – 121.
- Lily, M.M. Nor Hawani, W.A.R., Sabariah, J., Syahida, M.Z. dan Yuzainizam, Y. (2012). Pelaporan maklumat kewangan secara sukarela oleh pihak berkuasa tempatan di Internet: Kajian di negeri Pahang. *Konferensi Akademik UiTM Pahang*.
- McIvor, R. McHugh, M. dan Cadden, C. (2002). Internet technologies: supporting transparency in the public sector. *International Journal of Public Sector Management*. Vol 15 (3): 170 – 187.
- Mohamed, E.K.A., Oyelere, P. dan Al-Busaidi, M. (2009). A survey of internet financial reporting in Oman. *International Journal of Emerging Market*. Vol 4 (1): 56 – 71.
- Mohd Hanapi, A.L. dan Mohamad Noorman, M. (2010). Accessibility evaluation on Malaysian e-government Website. *Journal of e-Government Studies and Best Practice*.
- Mohd Noor, A.A.K. dan Noor Azizi, I. (2009). Pelaporan kewangan menerusi internet: perspektif teori kontingensi. *Jurnal Kemanusian*. Bil .14 Dis.
- Mohd Noor, A.A.K. dan Noor Azizi, I. (2011). Pelaporan kewangan menerusi internet: tinjauan kajian lepas. *IJMS* 18(2), 185 – 216.
- Mohd Noor, A.A.K. dan Noor Azizi, I. (2012). Users' perceptions of various aspects of Malaysian internet financial reporting. *Journal of Organizational Management Studies*.
- Musso, J.A., Weare, C. dan Hale M.C. (1999). *Designing Web Technologies for Local Governance Reform: Good Management or Good Democracy?*. <http://www.usc.edu/dept/LAS/SC2/pdt/newweare.pdf>.
- Nur Barizah, A.B. dan Zakiah, S. (2011). *Disclosure of Accountability Information in Public Sector: The case of Malaysian Federal Statutory Bodies*. Paper presented at 13th Biennial CIGARConference: Bridging public sector and non-profit sector accounting.
- Omar, O., Mohamad Sharofi, H.I., Syed Soffian, S.I., Siti Zabedah, H.S., Mohd Syahir, H.R., Md Suhaimi, M.S., Rose Shamsiah, S. dan Marlina, M.L. (2007). *Public Sector Accounting in Malaysia*, Thomson Learning.
- Pablos, J.L., Carcaba, A. dan Lopez, A. (2002). The annual report as a tool for financial disclosure in local governments. *International Journal of Management* 19(4): 651 – 663.

- Penggunaan internet di Malaysia naik kepada 41 peratus. *Berita Bernama*, 14 April 2011. <http://www.kpdnkk.gov.my/web/guest/penggunaan-internet-naik-41-peratus>.
- Perez, C.C., Hernandez, M.L. dan Bolivar, M.P.R. (2005). Citizens' access to on-line governmental financial information: Practices in the European Union countries. *Government Information Quarterly* 22: 258 – 276.
- Pina, V., Torres, L. dan Royo, S. (2010). "Is E-Government promoting convergence towards more accountable local government?". *International Public Management Journal*, 13(4), 350 – 380.
- Saidin, S.Z., Tayib, M., Engku Ali, E.I. dan Samsudin, R.S. (2004). *Pelaporan Maklumat Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan: Perbandingan Amalan Pelaporan dan Persepsi Pengguna Penyata Kewangan. Persidangan Akauntan Pihak Berkuasa Tempatan*.
- Siddiquee, N.A. (2006). Public management reform in Malaysia. *International Journal of Public Sector Management*. Volume 19 (4), 339 – 358.
- Steccolini, I. (2004). Is the annual report an accountability medium? An empirical investigation into Italian local government. *Financial Accountability and Management* 20(3) :327 - 350.
- Tayib, M. (2004). *Pembiayaan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia*. Penerbit Universiti Utara Malaysia Sintok.
- Tayib, M., Coombs, M. dan Ameen, J.R.M. (1999). Financial reporting by Malaysian local authorities: A study of the needs and requirements of the users of local authority financial accounts. *International Journal of Public Sector Management* 12 (2): 103 – 120.
- Tooley, S., Hooks, S. dan Basnan, N. (2010). Performance reporting by Malaysian local authorities: Identifying stakeholder needs. *Financial Accountability and Management* 26 (2): 103 – 133.

[www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan tempatan di Malaysia](http://www.scribd.com/doc/58791822/kerajaan-tempatan-di-Malaysia)

LILY MAZLIFA MUSTAFA, NOR HAWANI WAN ABDUL RAHMAN, SABARIAH JAMALUDDIN, YUZAINIZAM YUSOP, NALIZA SOLAT. Universiti Teknologi MARA Pahang. mazlifa@pahang.uitm.edu.my, norhawani@pahang.uitm.edu.my, sabariahj@pahang.uitm.edu.my, yuzainizam@pahang.uitm.edu.my, nalizas@pahang.uitm.edu.my